

06/04/2003

AS penuhi misi Israel di Iraq: PM

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, niat sebenar Amerika Syarikat menyerang Iraq bukan untuk membebaskan rakyat negara itu, tetapi bagi memenuhi matlamat Israel untuk menghapuskan sebarang ancaman kepada Tel Aviv di Asia Barat.

Perdana Menteri dalam satu temu ramah dengan stesen televisyen satelit Al-Jazeera yang disiarkan pagi ini (malam tadi waktu Qatar) berkata, niat awal mereka sekarang adalah memastikan Iraq tidak lagi berupaya sepenuhnya untuk mempertahankan diri pada bila-bila masa selepas ini selain tarikan minyak yang boleh mereka peroleh.

Beliau turut menyelar sikap media barat yang kerap membuat laporan tidak betul, berat sebelah dan banyak kali laporan itu akhirnya terbukti salah sepanjang peperangan itu tercetus dengan memberi contoh kononnya kejayaan tentera Amerika dan sekutunya menawan beberapa bandar tertentu, tetapi kejadian itu terbukti belum berlaku.

Malah katanya, perang itu sendiri sudah menyebabkan bencana kepada ekonomi dunia, menjadikan keadaan lebih buruk dan percakapan mengenai usaha memulihkan ekonomi Iraq akan menjadi suatu tindakan hipokrit, seperti juga mereka tidak dapat membangun semula Afghanistan.

Selain itu kata Dr Mahathir, usaha Amerika untuk menukar rejim Saddam Hussein, mengantikan dengan kerajaan pilihan Washington sendiri, tidak akan berjaya kerana rakyat Iraq tidak akan memberi kerjasama kerana menganggap ia sebagai kerajaan asing atau kerajaan boneka semata-mata.

"Jika Amerika berjaya menewaskan Iraq dan mengenakan kerajaan pilihan mereka di sana, maka negara lain akan berasa tidak selamat. Malah Syria sedang menjadi sasaran ketara kerana membantu orang Iraq dan kini Pakistan dikatakan bekerjasama dalam teknologi nuklear dan dipercayai memiliki senjata pemusnah.

"Kita tidak tahu sama ada Pakistan dan Syria tidak akan menjadi sasaran selepas ini atas alasan yang sama bahawa negara-negara ini menjadi ancaman kepada Amerika. Jadi mana-mana negara termasuk Iran tidak lagi berasa selamat," katanya dalam temu ramah itu yang diadakan di Putrajaya, Rabu lalu.

Dr Mahathir yang sedang bercuti kembali sekejap ke negara ini dari Itali sebelum berlepas ke Jepun selepas temu ramah itu. Perdana Menteri dijangka kembali bertugas pada 4 Mei ini. Beliau adalah juga Pengerusi Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) dan bakal memimpin Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) Oktober ini.

Dalam temu ramah itu, beliau antara lain memperkatakan mengenai tindakan Amerika Syarikat yang tidak lagi mematuhi undang-undang antarabangsa, nasib negara kecil dan lemah serta impak perang ke atas ekonomi dunia termasuk Malaysia.

Perdana Menteri berkata, negara anggota NAM kini berhadapan dengan fenomena baru berkisar kepada tindakan yang tidak lagi menghormati soal moral, tidak hormat kepada undang-undang antarabangsa dan dalam keadaan itu, NAM mendapati sukar untuk mempertahankan kemerdekaan negara.

"Apa yang negara-negara ini boleh lakukan sebenarnya ialah untuk berdemonstrasi, untuk menyeru kepada perasaan moral dan untuk cuba mendapat bantuan negara lain, termasuk negara maju semata-mata kerana mereka juga tidak bersatu dalam peperangan ini. Kita terpaksa bekerjasama dengan mereka yang masih percaya kepada undang-undang antarabangsa dan keperluan PBB. Ini saja yang kita boleh lakukan, menerusi demonstrasi dan berhubung

dengan mereka yang simpati termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Ada perkara lain yang kita boleh lakukan tetapi kerana kita tidak bersatu, ia tidak mungkin," katanya.